

**Hubungan Malaysia-indonesia Berada Pada Tahap Terbaik - Menteri Luar
Indonesia
Bernama
4 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Menteri Luar Indonesia Dr Marty Natalegawa menyifatkan hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia kini berada di tahap terbaik.

Beliau menganggap hubungan Malaysia dan Indonesia kini dinamik dan positif kerana ia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dari kedua-dua negara.

"Hubungan Malaysia dan Indonesia kini bukan sahaja pada peringkat pemimpin malah membabitkan ahli perniagaan dan masyarakat kedua-dua negara.

"Ada kepentingan untuk memelihara hubungan yang baik ini dengan menyelesaikan segala permasalahan yang timbul dan segala perbezaan pandangan secara baik," kata beliau.

Marty berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan bertajuk 'Kebangkitan Garuda: Kedudukan Indonesia Dalam Asean dan Di Luar Asean' pada Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik Ke-27 di sini Selasa.

Hadir pada majlis itu Pemangku Raja Perak Raja Dr Nazrin Shah.

Marty turut melahirkan rasa gembira kerana rakan sejawatannya Datuk Seri Anifah Aman terpilih semula sebagai Menteri Luar Malaysia selepas pilihan raya umum ke-13.

Katanya, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Anifah di luar persidangan itu mengenai cara untuk terus meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara, yang antara lain menyentuh isu sempadan, buruh dan sumber.

Beliau berharap hubungan dua hala antara kedua-dua negara bukan hanya terhad kepada antara kerajaan dan kerajaan tetapi turut meliputi lingkungan yang lebih luas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954104>